

278

NO. SOALAN: 508

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH :

RUJUKAN : 10454

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) jumlah kes rogol sumbang mahram yang telah dilaporkan, senaraikan mengikut negeri; dan

(b) anggaran terbaik mengenai jumlah kes rogol sumbang mahram yang tidak dilapor.

JAWAPAN:

(a) Statistik kes sumbang mahram yang direkodkan dari tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti berikut:

- (i) 2014 - 2,349 kes;**
- (ii) 2015 - 2,124 kes;**
- (iii) 2016 - 1,951 kes; dan**
- (iv) 2017 (sehingga September) - 1,259 kes.**

(b) PDRM tidak dapat memberikan anggaran tentang jumlah kes rogol atau kes sumbang mahram yang tidak dilaporkan kepada PDRM. Namun PDRM mengakui terdapat kes yang tidak dilaporkan demi menutup malu individu atau keluarga berkenaan atau mangsa telah diugut daripada membuat laporan atau bercerita kepada ahli keluarga yang lain. Kebanyakan kes rogol atau sumbang mahram yang disiasat melibatkan keluarga terdekat dan diketahui setelah mangsa dirujuk ke hospital dan didapati mengandung atau siasatan terhadap kes berkaitan pembuangan bayi.